

Pelajaran aneka jurusan mulai hari ini

Berita Harian, 11 January 1965, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL4317

**Pelajaran
aneka
jurusan
mulai
hari ini**

KUALA LUMPUR,
Ahad. — Sa-ramai lebeh kurang 200,000 orang kanak2 yang berumur enam tahun lebeh di-serata Malaya mulai esok akan bersekolah buat pertama kali-rya.

Di-samping itu sa-ramai 110,000 orang kanak2 yang berumur 11 tahun lebeh juga akan menduduki bangku form satu mulai esok di-bawah sistem Sekolah Aneka Jurusan.

Ketua Pegawai Penasihat Pelajaran Inche Amnuddin Baki hari ini merayu kepada ibu2 bapa supaya bekerjasama dengan Kerajaan untuk menjayakan persekolahan tahun ini, lebeh2 lagi ranchangan sekolah aneka jurusan.

Berusaha

Kata Inche Aminuddin: "Melalui sistem Sekolah Aneka Jurusan itu Kerajaan berusaha sa-dapat mungkin untuk memberi pelajaran rendah perchuma kepada kanak2 di negeri ini sa-kurang2nya untuk sa-lama sembilan tahun.

"Sistem itu baharu akan di-mulakan esok dan kerana itu mungkin akan berlaku beberapa kekurangan.

"Walau pun soal menempatkan guru untuk sistem baharu itu mengalami beberapa kesulitan tetapi segala2nya akan tetap berjalan sa-bagaimana direncanakan pagi esok.

"Kerajaan berharap supaya sa-tiap guru berusaha sa-daya upaya untuk menjayakan sistem baharu itu."

2 kali ganda

Bilangan kanak2 yang masuk tengkatan satu tahun ini ia-lah dua kali ganda daripada tahun sudah

Tahun sudah hanya 53.987 daripada 119.281 orang kanak2 lulus dari enam tahun 1963 yang mengkatan satu.

Peperek...n masuk ka-tengkatan satu telah di-hapuskan

mulai tahun lalu berikutan
tiengan ranchangan mengadakan
sistem Sekolah Aneka Jurusan
tahun ini.

Ibu2 bapa yang mempunyai
anak yang akan masuk darjah
satu esok di-kehendaki datang
ke-sekolah tempat anak2 mereka
itu belajar dengan membawa
kad pendaftaran.
